

KEBERKESANAN KURSUS KOKURIKULUM BERKREDIT DALAM MEMPERKASAKAN KEMAHIRAN INSANIAH DALAM KALANGAN PELAJAR INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM

Rosli Saadan, Mohamad Bokhari, Aziz Yahya, Muhd Akmal Noor
Rajikon, Syed Najmuddin Syed Hassan, Asiah Mohd Pilus

Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

E-mel: roslisaadan@utem.edu.my, mohamadbokhari@utem.edu.my, aziz@
utem.edu.my, ekmalnuur@utem.edu.my, syednajmuddin@utem.edu.my,
asiah@utem.edu.my

ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti keberkesanan kokurikulum bercredit dalam memperkasakan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi awam di Malaysia. Kajian juga bertujuan untuk mengenal pasti penguasaan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi awam mengikut jantina. Subjek terdiri daripada pelajar-pelajar universiti daripada beberapa buah universiti di Malaysia yang berumur antara 17 hingga 44 tahun terdiri daripada pelajar lelaki (N= 440) dan perempuan (N= 560). Dapatan menunjukkan pelajar-pelajar menguasai kemahiran insaniah mengikut keutamaan adalah kemahiran kerja berpasukan, kemahiran profesionalisme, nilai, sikap dan etika, kemahiran pendidikan sepanjang hayat, kemahiran kepimpinan, kemahiran berfikir kritis dan penyelesaian masalah, kemahiran berkomunikasi dan kemahiran keusahawanan.

Kata Kunci: keberkesanan, Kemahiran Insaniah, berkomunikasi, kerja berpasukan, sikap beretika.

1.0 PENGENALAN

Falsafah Pendidikan Negara secara sepintas lalu ada menyentuh tentang kepentingan pendidikan iaitu untuk membangunkan aspek-aspek intelektual dengan meningkatkan daya berfikir selain daripada aspek-aspek moral, sosial dan juga emosi. Antara unsur-unsur penting kurikulum adalah bertujuan untuk membina intelek dan mengembangkan daya pemikiran untuk menghuraikan, mencerakinkan, mentaakul, merumuskan dan menghasilkan idea-idea yang bernas. Justeru untuk merealisasikan visi ini, kerajaan khususnya

Institusi Pengajian Tinggi (IPT) telah memperkenalkan Kemahiran Insaniah (KI) kepada semua pelajar IPT yang meliputi kemahiran berkomunikasi, kemahiran kerja berpasukan, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran pembelajaran berterusan dan teknologi maklumat, kemahiran etika moral, kemahiran keusahawanan, dan kemahiran kepemimpinan.

Kesemua elemen ini merupakan elemen penting yang perlu dikuasai oleh para pelajar bagi membolehkan mereka menjadi pelajar yang serba boleh, berfikir dengan kritis dan inovatif dan mempunyai kecemerlangan akhlak dalam kehidupan realiti sebenar setelah melangkah keluar dari alam kampus. Dengan kata lain kemahiran-kemahiran ini mampu melahirkan generasi yang menepati ciri-ciri modal insan yang harus dilihat secara menyeluruh membabitkan semua aspek kehidupan dalam individu dan masyarakat di negara ini. Oleh itu terdapat pelbagai aspek yang perlu diberi penekanan dalam usaha membina modal insan yang bersepadu iaitu ilmu pengetahuan, kemahiran, tahap peningkatan ekonomi, kebudayaan dan sebagainya.

Kemahiran Insaniah adalah intipati suntikan utama pembangunan modal. Pembangunan aspek modal insan sangat penting bagi menjadikan negara berdaya saing. Rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran berpotensi memiliki modal insan yang besar untuk dirinya sendiri, masyarakat dan negara. Kemahiran insaniah merupakan suatu usaha ke arah melahirkan insan yang berpengetahuan, berkemahiran, inovatif, beretika, terlatih dan mempunyai pendidikan (Mohd Taib Dora, 2008). Kemahiran Insaniah merangkumi aspek-aspek kemahiran generik yang melibatkan elemen kognitif yang berkaitan dengan kemahiran bukan akademik seperti nilai positif, kepemimpinan, kerjasama pasukan, komunikasi dan pembelajaran berterusan.

Kemahiran berkomunikasi merujuk kepada satu proses pembentukan dan perkongsian maksud antara dua atau lebih daripada dua pihak (Tubbs & Moss, 2000). Keperluan berkomunikasi bagi individu adalah sama seperti keperluan-keperluan lain. Komunikasi antara manusia tidak boleh dipisahkan daripada proses kemanusiaan kerana ia melibatkan diri manusia itu sendiri yang mempunyai perasaan seperti gembira, sedih, keyakinan diri, rendah diri, ego, marah dan sebagainya.

Kemahiran kerja berpasukan pula merujuk kepada sekumpulan individu dalam sesebuah organisasi yang melaksanakan tugas secara berganding bahu antara satu sama lain dan sama-sama bergabung bagi mencapai matlamat kumpulan. Ahli-ahli pasukan akan berinteraksi rapat, berkongsi maklumat, membuat keputusan dan memikul

tanggungjawab bersama bagi melakukan tugas yang ditetapkan. Kemahiran kerja berpasukan juga ditafsirkan dengan kemahiran yang melibatkan kebolehan untuk bekerjasama dengan orang lain daripada pelbagai latar belakang sosiobudaya untuk mencapai matlamat yang sama.

Etika pula merujuk kepada satu set nilai dan peraturan yang menentukan betul atau salahnya sesuatu tingkah laku. INTAN (1991) mendefinisikan nilai sebagai kepercayaan yang mendorong seseorang itu untuk bertindak mengikut pemilihan yang berasaskan nilai-nilai utama masyarakat. Nilai juga dilihat sebagai kepercayaan atau prinsip tentang sesuatu perkara dan dianggap sebagai sesuatu yang meresap dan terselindung (Ahmad Atory, 1998). Nilai selalu diterima sebagai tingkah laku atau pergerakan bagi sesuatu kumpulan atau individu. Ini menunjukkan bahawa nilai mempunyai pengaruh yang kuat terhadap sikap dan amalan seseorang. Sekiranya nilai yang mendasari seseorang individu adalah nilai yang positif maka tindakan yang dipamerkan oleh individu terbabit juga akan berbentuk sedemikian dan memberi impak yang baik kepada persekitarannya.

Shahnon Ahmad (1981) menyatakan etika ialah akhlak, moral, budi pekerti, perwatakan manusia dalam menghadapi hidup setiap hari dalam segala aspek. Di dalamnya terkandung antara lain, nilai-nilai yang membentuk peribadi manusia untuk menentukan baik buruk, benar palsu setiap bidang hidup meliputi etika diri, keluarga, masyarakat, bangsa dan seluruh manusia. Manakala Solomon (1984) pula membahagikan etika kepada dua perkara asas iaitu pertama perangai individu, termasuk apa yang dimaksudkan sebagai 'seseorang yang baik' dan yang kedua, peraturan sosial yang mengawal serta menghadkan tingkah laku manusia terutama sekali tentang peraturan muktamad menjelaskan perkara yang baik dan buruk yang bergelar moral. Pandangan ini diperkuatkan lagi dengan tulisan selanjutnya oleh Mohd Nasir Omar (1992) yang menyebut etika adalah falsafah tentang tingkah laku manusia dilihat dari aspek lahiriah dan batiniah.

Moral pula daripada segi bahasanya berasal daripada perkataan Latin iaitu *mores* yang membawa maksud ada dan kebiasaan. Norazzah Kamil (2002) menyatakan moral merupakan idea umum yang diterima dan menjadi pegangan sesebuah masyarakat tentang buruk dan baik sesuatu tingkah laku manusia, sesuatu yang boleh dibuat dan seharusnya dibuat dan juga dorongan-dorongan yang membuat seseorang mengikut sesuatu arah yang betul ataupun salah.

Manakala pembelajaran sepanjang hayat merupakan satu konsep yang perlu diperkasakan khususnya dalam bidang pendidikan negara bagi menjamin kesinambungan pembentukan modal insan yang cemerlang. Menuntut ilmu adalah suatu keperluan asas bagi semua bangsa di dunia ini tanpa mengira agama dan keturunan. Senario ini menjadi lebih penting terutamanya pada era globalisasi yang berteraskan kepada ilmu pengetahuan. Pembudayaan pembelajaran sepanjang hayat ini menjadi elemen penting bagi mengimbangi keperluan semasa ekonomi yang berasaskan kepada penguasaan ilmu pengetahuan dan menterjemahkan kecemerlangan modal insan cemerlang dalam sesebuah negara. Pembelajaran sepanjang hayat merupakan pelaksanaan pelbagai aktiviti pembelajaran yang boleh diikuti sepanjang hayat dengan tujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran, dan keterampilan individu dan seterusnya menyumbang kepada masyarakat dan alam pekerjaan. Perubahan aktiviti ekonomi yang lebih bergantung pada penguasaan ilmu pengetahuan telah menambahkan lagi pelaburan kepada pembangunan modal insan yang berilmu. Pembentukan masyarakat yang berilmu supaya lebih kompetitif memerlukan mereka meningkat penguasaan ilmu pengetahuan serta kemahiran secara berterusan dan penerapan nilai-nilai murni. KPT telah mengambil langkah proaktif menjadikan pembelajaran sepanjang hayat sebagai salah satu daripada tujuh elemen dalam kemahiran insaniah yang perlu dikuasai oleh siswazah khususnya sebagai landasan terbaik untuk peningkatan kualiti dan kompetensi diri.

Pembelajaran sepanjang hayat dari segi konsepnya merangkumi pengertian yang begitu luas. Konsep ini merujuk kepada proses pendemokrasian pendidikan yang merangkumi program meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi sama ada secara formal di sekolah, pusat latihan vokasional, atau secara tidak formal berdasarkan pengalaman dan latihan di tempat kerja. Pengurusan maklumat boleh berlaku dalam bentuk pengwujudan sebuah pengkalan pengetahuan yang akan menyediakan satu proses yang sistematik bagi pengumpulan, perkongsian dan penggunaan ilmu dalam sesebuah organisasi. Pengurusan maklumat yang sistematik akan dapat menggabungkan keupayaan memproses data atau maklumat hasil daripada penggunaan teknologi, dengan keupayaan kreatif serta inovasi yang dimiliki oleh manusia itu sendiri. Konsep pengurusan maklumat yang berkesan memberi ruang kepada manusia menggunakan maklumat untuk memikirkan amalan terbaik sekali gus menjurus ke arah pembentukan budaya masyarakat yang mengamalkan pembelajaran berterusan. Dalam ruang perkerjaan yang semakin sempit pada hari ini, aplikasi ilmu pengetahuan amat

penting bagi seseorang siswazah. Pelajar bukan sahaja berjuang untuk mendapatkan pekerjaan tetapi berusaha untuk membina kehidupan yang lebih baik.

1.1 Objektif Kajian

Secara umumnya objektif kajian ini adalah untuk mendapatkan maklumat asas mengenai keberkesanan kokurikulum berkredit dalam memperkasakan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi awam di Malaysia. Secara khususnya objektif kajian adalah:

- a) mengenal pasti keberkesanan kokurikulum memperkasakan modal insan mahasiswa.
- b) menilai sejauh mana pelajar dapat menguasai kemahiran insaniah dengan berkesan.
- c) mengenal pasti sejauh mana pelajar dapat menguasai kemahiran kerja berpasukan dengan berkesan.
- d) mengenal pasti sejauh mana pelajar dapat menguasai kemahiran berkomunikasi dengan berkesan.

2.0 METODOLOGI

Kajian yang dijalankan ini merupakan satu kajian tinjauan. Responden kajian adalah seramai 1000 orang yang terdiri daripada 440 orang pelajar lelaki dan 560 orang pelajar perempuan. Instrumen yang digunakan adalah soal selidik. Majid Konting (2000) menyatakan bahawa penggunaan soal selidik dapat meningkat ketepatan dan kebenaran gerak balas yang diberikan oleh sampel kerana tidak dipengaruhi oleh gerak laku penyelidik. Bentuk soalan yang dikemukakan dalam borang soal selidik adalah soalan aneka pilihan. Soalan disediakan berdasarkan objektif kajian. Soalan-soalan dalam borang soal selidik ini terbahagi kepada dua bahagian utama iaitu Bahagian A (maklumat latar belakang) dan Bahagian B (inventori kemahiran insaniah).

2.1 Pemilihan Responden

Sampel bagi kajian ini adalah pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi awam Malaysia. Sebanyak 1000 soal selidik diedarkan secara rawak mengikut zon iaitu Universiti Malaysia Perlis mewakili zon utara, Universiti Tun Hussein Onn mewakili zon selatan, Universiti Malaysia Pahang mewakili zon Timur, Universiti Pendidikan Sultan Idris mewakili zon tengah, Universiti Malaysia Sabah mewakili zon Sabah dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Responden yang ditemui akan diberikan borang soal selidik untuk dijawab.

3.0 KEPUTUSAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kaedah statistik deskriptif dan statistik inferensi dengan menggunakan pengaturcaraan SPSS versi 15.0 untuk menganalisis dan menginterpretasi data-data mentah. Data-data yang diperoleh telah disusun, diringkas dan dipamerkan dalam bentuk yang mudah difahami. Data mentah yang dikumpul daripada soal selidik demografi kajian ini dianalisis dengan menggunakan jumlah bilangan dan peratusan. Keputusan dan dapatan kajian ini dibentangkan mengikut bahagian-bahagian tertentu seperti berikut:

1. Analisis demografi responden
2. Analisis min dan sisihan piawai
3. Ujian-t perbandingan antara lelaki dan perempuan

Jantina

Jadual 1 menunjukkan taburan responden berdasarkan jantina. Daripada 1000 responden, seramai 440 (44%) responden terdiri daripada responden lelaki dan 560 (56%) responden terdiri daripada perempuan.

Jadual 1: Taburan responden berdasarkan jantina

Jantina	Bilangan (N)	Peratus
Lelaki	440	44
Perempuan	560	56
Jumlah	1000	100

Jadual 2 menunjukkan taburan responden berdasarkan umur. Daripada 1000 pelajar. Dapatan menunjukkan 442 (44.2%) berumur antara 17 hingga 20 tahun, 531 (53.1%) berumur antara 21 hingga 24 tahun, 25 (2.5%) berumur antara 25 hingga 28 tahun dan selebihnya 2 (2%) berumur melebihi 30 tahun.

Jadual 2: Taburan responden berdasarkan umur

Umur	Bilangan (N)	Peratus (%)
17-20 tahun	442	44.2
21-24 tahun	531	53.1
25- 28 tahun	25	2.5
30 tahun ke atas	2	0.3
	1000	100

Bangsa

Jadual 3 menunjukkan taburan responden berdasarkan bangsa. Daripada 1000 responden, seramai 756 (75.6%) responden berbangsa

Melayu, 122 (12.2%) responden Cina, 24 (2.4%) berbangsa India, dan 98 (9.8%) responden adalah lain-lain bangsa.

Jadual 3: Taburan responden berdasarkan bangsa

Bangsa	Bilangan (N)	Peratus (%)
Melayu	756	75.6
Cina	122	12.2
India	24	2.4
Lain-lain	98	9.8
Jumlah	1000	100

Tahun Pengajian

Jadual 4 menunjukkan taburan pelajar berdasarkan tahun pengajian. Dapatan menunjukkan seramai 345 (34.5%) belajar dalam tahun satu, 488 (48.8%) belajar pada tahun dua, 125 (12.5%) mengaji dalam tahun tiga dan selebihnya 98 (9.8%) mengikuti pengajian dalam tahun empat.

Jadual 4: Taburan responden berdasarkan tahun pengajian

Tahun	Bilangan (N)	Peratus (%)
1	345	34.5
2	488	48.8
3	125	12.5
4	42	4.2
Jumlah	1000	100

Komponen Kokurikulum Berkredit

Jadual 5 menunjukkan taburan pelajar berdasarkan komponen kursus kokurikulum berkredit. Dapatan menunjukkan seramai 542 (54.2%) mengambil kursus sukan dan rekreasi, 130 (13.0%) khidmat komuniti, 124 (12.4%) kebudayaan, 114 (11.4%) keusahawanan, 64 (6.4%) kepimpinan, 24 (2.4%) kesukarelawanan dan dua (0.2%) mengikuti kursus pengucapan awam.

Jadual 5: Taburan responden berdasarkan komponen kokurikulum berkredit

Komponen	Bilangan (N)	Peratus (%)
Sukan	542	54.2
Khidmat komuniti	130	13.0
Kebudayaan	124	12.4
Keusahawanan	114	11.4
Kepimpinan	64	6.4
Kesukarelawanan	24	2.4
Pengucapan Awam	2	0.2
Jumlah	1000	100

Institusi Pengajian Tinggi Awam

Jadual 6 menunjukkan taburan responden kajian berdasarkan Institusi Pengajian Tinggi Awam. Daripada 1000 responden, seramai 289 (28.9%) responden mewakili Universiti Teknikal Malaysia Melaka, 135 (13.5%) responden mewakili Universiti Malaysia Perlis, 188 (18.8%) responden mewakili Universiti Pendidikan Sultan Idris, 170 (17%) responden mewakili Universiti Tun Hussein Onn, 117 (11.7%) responden mewakili Universiti Malaysia Sabah dan selebihnya 101 (10.1%) mewakili Universiti Malaysia Pahang.

Jadual 6: Taburan responden berdasarkan Institusi Pengajian Tinggi Awam

Organisasi	Bilangan (N)	Peratus (%)
Universiti Teknikal Malaysia Melaka	289	28.9
Universiti Malaysia Perlis	135	13.5
Universiti Pendidikan Sultan Idris	188	18.8
Universiti Tun Hussein Onn	170	17.0
Universiti Malaysia Sabah	117	11.7
Universiti Malaysia Pahang	101	10.1
Jumlah	1000	100

Jadual 7 menunjukkan perbandingan tahap kemahiran mengikut komponen Kemahiran Insaniah. Dapatan menunjukkan tahap penguasaan kemahiran insaniah mengikut keutamaan adalah seperti berikut kemahiran berpasukan ($M=4.22$, $SD=.49$); etika moral ($M=4.21$, $SD=.48$); pembelajaran sepanjang hayat ($M=4.16$, $SD=.53$); Kemahiran kepimpinan ($M=4.11$, $SD=.58$); pemikiran kritis dan penyelesaian masalah ($M=4.06$, $SD=.55$); kemahiran berkomunikasi ($M=4.05$, $SD=.54$); kemahiran keusahawanan ($M=3.95$, $SD=.61$).

Jadual 7: Penguasaan tahap Kemahiran Insaniah IPTA Malaysia

Kemahiran Insaniah	MIN	SD
Kemahiran berpasukan	4.22	.49
Etika moral professional	4.21	.48
Pembelajaran sepanjang hayat	4.16	.53
Kemahiran kepimpinan	4.11	.58
Pemikiran kreatif dan penyelesaian masalah	4.06	.55
Kemahiran berkomunikasi	4.05	.54
Kemahiran keusahawanan	3.95	.61

Ujian-t Tidak Bersandar Kemahiran Kerja Berpasukan antara Pelajar Lelaki dan Pelajar Wanita

Ujian-t tidak bersandar digunakan untuk menentukan perbezaan kemahiran kerja berpasukan dalam kalangan pelajar lelaki dan pelajar wanita institusi pengajian tinggi awam Malaysia. Dapatan

menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki ($M = 4.21$, $S.D. = .54$) dan pelajar wanita ($M = 4.22$, $S.D. = .45$); $t(998) = -0.75$, $p > 0.05$.

Jadual 8: Ujian-t tidak bersandar kemahiran kerja berpasukan antara pelajar lelaki dan pelajar wanita

Kemahiran Insaniah	Lelaki		Wanita		t	df	sig 2-tail
	Min	SD	Min	SD			
Kerja Berpasukan	4.21	.54	4.22	.45	-0.75	998	.941

Ujian-t Tidak Bersandar Kemahiran Etika Moral Profesional antara Pelajar Lelaki dan Pelajar Wanita

Ujian-t tidak bersandar digunakan untuk menentukan perbezaan kemahiran etika moral profesional dalam kalangan pelajar lelaki dan pelajar wanita institusi pengajian tinggi awam Malaysia. Dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki ($M = 4.19$, $S.D. = .51$) dan pelajar wanita ($M = 4.22$, $S.D. = .46$); $t(998) = -.737$, $p > 0.05$.

Jadual 9: Ujian-t tidak bersandar kemahiran etika moral profesional antara pelajar lelaki dan pelajar wanita

Kemahiran Insaniah	Lelaki		Wanita		t	df	sig 2-tail
	Min	SD	Min	SD			
kemahiran etika moral profesional	4.19	.51	4.22	.46	-.737	998	.461

Ujian-t Tidak Bersandar Kemahiran Berkomunikasi antara Pelajar Lelaki dan Pelajar Wanita

Ujian-t tidak bersandar digunakan untuk menentukan perbezaan kemahiran berkomunikasi dalam kalangan pelajar lelaki dan pelajar wanita institusi pengajian tinggi awam Malaysia. Dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki ($M = 4.04$, $S.D. = .57$) dan pelajar wanita ($M = 4.05$, $S.D. = .52$); $t(998) = -.224$, $p > 0.05$.

Jadual 10: Ujian-t tidak bersandar kemahiran berkomunikasi antara pelajar lelaki dan pelajar wanita

Kemahiran Insaniah	Lelaki		Wanita		t	df	sig 2-tail
	Min	SD	Min	SD			
kemahiran berkomunikasi	4.04	.57	4.05	.52	-0.224	998	.823

Ujian-t Tidak Bersandar Kemahiran Pemikiran kreatif dan Penyelesaian Masalah Pelajar Lelaki dan Pelajar Wanita

Ujian-t tidak bersandar digunakan untuk menentukan perbezaan kemahiran pemikiran kreatif dan penyelesaian masalah dalam kalangan pelajar lelaki dan pelajar wanita institusi pengajian tinggi awam Malaysia. Dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki ($M = 4.05, S.D. = .57$) dan pelajar wanita ($M = 4.06, S.D. = .53$); $t(998) = -.113, p > 0.05$.

Jadual 11: Ujian-t tidak bersandar kemahiran pemikiran kreatif dan penyelesaian masalah antara pelajar lelaki dan pelajar wanita

Kemahiran Insaniah	Lelaki		Wanita		t	df	sig 2-tail
	Min	SD	Min	SD			
kemahiran pemikiran kreatif dan penyelesaian masalah	4.05	.57	4.06	.53	-0.113	998	.823

Ujian-t Tidak Bersandar Kemahiran Pembelajaran Sepanjang Hayat dan Pengurusan Maklumat antara Pelajar Lelaki dan Pelajar Wanita

Ujian-t tidak bersandar digunakan untuk menentukan perbezaan kemahiran pembelajaran sepanjang hayat dan pengurusan maklumat dalam kalangan pelajar lelaki dan pelajar wanita institusi pengajian tinggi awam Malaysia. Dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki ($M = 4.16, S.D. = .56$) dan pelajar wanita ($M = 4.17, S.D. = .50$); $t(998) = -.304, p > 0.05$.

Jadual 12: Ujian-t tidak bersandar kemahiran pembelajaran sepanjang hayat dan pengurusan maklumat antara pelajar lelaki dan pelajar wanita

Kemahiran Insaniah	Lelaki		Wanita		t	df	sig 2-tail
	Min	SD	Min	SD			
kemahiran pembelajaran sepanjang hayat dan pengurusan maklumat	4.16	.56	4.17	.50	-.304	998	.761

Ujian-t Tidak Bersandar Kemahiran Kepimpinan antara Pelajar Lelaki dan Pelajar Wanita

Ujian-t tidak bersandar digunakan untuk menentukan perbezaan penguasaan kemahiran kepimpinan dalam kalangan pelajar lelaki dan pelajar wanita institusi pengajian tinggi awam Malaysia. Dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki ($M = 4.10$, $S.D. = .59$) dan pelajar wanita ($M = 4.12$, $S.D. = .57$); $t(998) = -.535$, $p > 0.05$.

Jadual 13: Ujian-t tidak bersandar kemahiran kepimpinan antara pelajar lelaki dan pelajar wanita

Kemahiran Insaniah	Lelaki		Wanita		t	df	sig 2-tail
	Min	SD	Min	SD			
kemahiran kepimpinan	4.10	.59	4.12	.57	-.535	998	.593

Ujian-t Tidak Bersandar Kemahiran Keusahawanan antara Pelajar Lelaki & Pelajar Wanita

Ujian-t tidak bersandar digunakan untuk menentukan perbezaan penguasaan kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar lelaki dan pelajar wanita institusi pengajian tinggi awam Malaysia. Dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki ($M = 3.98$, $S.D. = .60$) dan pelajar wanita ($M = 3.93$, $S.D. = .62$); $t(998) = 1.173$, $p > 0.05$.

Jadual 14: Ujian-t tidak bersandar kemahiran keusahawanan antara pelajar lelaki dan pelajar wanita

Kemahiran Insaniah	Lelaki		Wanita		t	df	sig 2-tail
	Min	SD	Min	SD			
kemahiran keusahawanan	3.98	.60	3.93	.62	1.173	998	.241

Ujian-t Tidak Bersandar Kemahiran Insaniah Antara Pelajar Lelaki dan Pelajar Wanita

Ujian-t tidak bersandar digunakan untuk menentukan perbezaan penguasaan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar lelaki dan pelajar wanita institusi pengajian tinggi awam Malaysia. Secara keseluruhannya dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki (M = 28.76, S.D. = 3.22) dan pelajar wanita (M = 28.78, S.D. = 2.84); $t(998) = -.111, p > 0.05$.

Jadual 15: Ujian-t tidak bersandar kemahiran insaniah antara pelajar lelaki dan pelajar wanita

Kemahiran Insaniah	Lelaki		Wanita		t	df	Sig 2-tail
	Min	SD	Min	SD			
Kemahiran Insaniah	28.76	3.22	28.78	2.84	-.111	998	.912

Dapatan secara amnya menunjukkan bahawa kemahiran komunikasi merupakan salah satu elemen penting dalam membentuk kemahiran insaniah. Kecenderungan pelajar untuk berkomunikasi dengan lebih berkesan hanya akan dapat dinilai apabila kedua-dua pihak memahami perkara yang diperkatakan. Dengan kemahiran berkomunikasi yang berkesan dalam interaksi seharian akan mengeratkan lagi hubungan antara pelajar.

Kemahiran kerja berpasukan merupakan kemahiran insaniah yang dianggap paling penting berbanding dengan kemahiran insaniah yang lain. Kemahiran berpasukan mampu menerapkan nilai bekerjasama dan berinteraksi dalam kalangan pelajar terbabit. Pelajar-pelajar akan dibahagikan kepada kumpulan-kumpulan kecil untuk menguasai sesuatu kemahiran yang diajar. Semasa melakukan aktiviti, pelajar yang berkemahiran berpeluang memberi tunjuk ajar atau maklum balas yang berguna rakan-rakan sekumpulan. Secara tidak langsung ini boleh mengeratkan hubungan antara mereka. Dapatan ini selari dengan dapatan yang dibuat ke atas pelajar-pelajar Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia (Yahya & Muhammad Rashid, 2003) yang

menyatakan bahawa kemahiran kerja berpasukan merupakan elemen terpenting dan perlu dikuasai oleh semua pelajar untuk menjadi insan yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Komunikasi antara manusia tidak boleh dipisahkan daripada proses kemanusiaan kerana ia melibatkan diri manusia itu sendiri yang mempunyai perasaan seperti gembira, sedih, keyakinan diri, rendah diri, ego, marah dan sebagainya. Begitu juga dengan kemahiran etika moral pelajar perlu diperkenalkan peraturan-peraturan permainan sukan sejak di peringkat awal persekolahan bagi membolehkan mereka memahami dan menghayati sesuatu permainan dengan lebih jelas.

Kemahiran komunikasi dilihat sebagai salah satu daripada kemahiran insaniah yang perlu dititikberatkan kepada setiap pelajar. Walaupun pelajar mempunyai pengetahuan yang cemerlang, namun sekiranya seseorang individu itu tidak berupaya menyalurkannya melalui kemahiran berkomunikasi yang berkesan, sudah pasti ianya tidak akan memberikan apa-apa pulangan yang memberangsangkan (Nur Izlin, Saadiah & Hussin, 2008). Kemahiran berkomunikasi ini juga dilihat amat penting kerana selain menyediakan pelajar-pelajar dengan peluang pekerjaan dan bagi memenuhi tuntutan pasaran pekerjaan yang berkembang pesat, kemahiran berkomunikasi juga dilihat dapat membantu seseorang individu itu untuk meneruskan kehidupan seharian.

Penguasaan bahasa dan kebolehan berkomunikasi merupakan antara kriteria penting yang dilihat oleh pihak majikan di samping kemahiran insaniah lain dengan disertai kemahiran teknikal dalam pengambilan dan pemilihan pekerja. Hal ini bermakna kemahiran insaniah dan teknikal perlu diintegrasikan (Dawe, 2004). Kebiasaannya majikan akan melihat kepada bakal pekerja yang memiliki kemahiran insaniah melalui proses pengambilan dan menjangkakan kemahiran ini akan ditingkatkan melalui aktiviti latihan dan pembangunan pekerja. Kemahiran insaniah yang paling penting dan kritikal sebagaimana dikenal pasti dalam kajian McLeish (2002) ialah nilai personal yang merangkumi komunikasi, kerja berpasukan, penyelesaian masalah, perancangan dan penyelarasan, inisiatif dan usaha, teknologi, pembelajaran dan kesedaran diri (self-awareness). Hesketh (2000) pula mendapati komunikasi (lisan), pembelajaran, komunikasi (bertulis), penyelesaian masalah, kerja berpasukan, pengurusan diri dan kebolehan mengira merupakan kemahiran yang amat tinggi nilainya kepada majikan. Menurut Smith & Comyn (2003) secara sepakatnya adalah amat jelas bahawa kerja berpasukan dan komunikasi merupakan kemahiran insaniah yang sememangnya amat bernilai.

RUJUKAN

- Alias Baba. (1990). *Statistik Penyelidikan dalam Pendidikan dan Sains Sosial*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Babbie. (1992). *The Practice of Social Research*. Clearwater, FL, US: Wadsworth Publishing Company.
- Darren George and Paul Mallery. (2001). *SPSS for Windows Steps by Steps: A Simple Guide and Reference (3rd Ed.)*. New York,US: Allyn & Bacon.
- Generic skills in vocational education and training: Research readings (ms 69 – 83). Diakses pada 29 Januari, 2008 dari <http://www.ncver.edu.au/publications/1448.html> Hesketh (2000).
- Institut Tadbiran Awam Negara. (19910). *Nilai dan etika perkhidmatan awam*. Kuala Lumpur: INTAN.
- Kinncar, P. R., and Gray, C. D. (1997). *SPSS for Windows Made Simple (2nd Ed.)*. Hove, East Sussex, UK: Psychology Press/Taylor & Francis.
- Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah. (2006). Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mohd. Majid Konting. (2000). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Nasir Omar. (1992). *Falsafah etika: Perbandingan Pendekatan Islam dan Barat*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam.
- Mohd Taib Dora, Norliah Kudus, Mahadi Abu Hassan dan Ruziah Ali. (2008). *Kemahiran Insaniah 7 kompetensi unggul mahasiswa*. Melaka: Penerbit UTeM.
- McLeish, A. (2002). Employability skills for Australian small and medium sized enterprises: report of the interviews and focus groups with small and medium enterprises. Diakses pada 18 Januari, 2008 dari http://www.dest.gov.au/NR/rdonlyres/18847ED7-5812-40F5-8F38-BAE473B7C88/2216/SME_research.pdf
- Norazzah Kamil. (2002). *Nilai dan Etika Pengurusan Islam*. Kuala Lumpur. Tesis Sarjana Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Norusis, J. J. (1992). *SPSS for Window PC: Users base system user's guide*. Release 5.0. Michigan: SPSS, Inc.
- Nur Izlin dan Saadiah. (2008). Pembangunan pelajar kea rah modal insan terbilang: Perkembangan pembangunan pelajar dari aspek kemahiran berkomunikasi. *Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008*, UTM, 22-23 Oktober 2008.
- Shannon Ahmad. (1981). *Kesusasteraan dan Etika Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.

- Smith, E., and Comyn, P. (2003). *The development of employability skills in novice workers through employment*. NCVER: Adelaide.
- Tubbs, S.L., and Moss, L. (2000). *Human communication*. New York, US: McGraw Hill.
- Yahya Buntat dan Muhammad Rashid Rajuddin. (2003). Dimensi kemahiran employability. Persepsi pendidik vokasional dan majikan industri. *Virtec Journal* 3(1), 83 -89.

